

83 KESALAHAN PERINTAH TEMBAKAU 2005 DICATIT BAGI BULAN JANUARI 2018

Unit Penguatkuasaan, Kementerian Kesihatan telah mencatat sebanyak 83 kesalahan Perintah Tembakau 2005 sepanjang bulan Januari 2018. Kesalahan-kesalahan yang dicatit adalah seperti berikut;

1. 61 kesalahan (73.5%) di bawah Bab 14(2) Perintah Tembakau 2005 iaitu merokok dan vaping di tempat-tempat terlarang oleh mereka yang berumur 18 tahun ke atas;
2. 21 kesalahan (25.3%) di bawah Bab 10(1) Perintah Tembakau 2005 iaitu kesalahan menghisap produk tembakau/vape atau memiliki atau membeli produk tembakau/vape oleh mereka yang berumur di bawah 18 tahun;
3. 1 kesalahan (1.2%) di bawah Bab 16(4) Perintah Tembakau 2005 iaitu kesalahan tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pengurus/pemilik premis/bangunan larangan merokok dan vaping di mana mereka dikehendaki untuk melakukan tindakan-tindakan yang telah ditetapkan oleh Perintah Tembakau 2005 bagi mengawal premis/bangunan yang mereka urus bebas dari kegiatan merokok dan vaping.

Bagi kesalahan di bawah Bab 14(2) Perintah Tembakau 2005, 60 orang adalah pelaku kesalahan kali pertama dan dikenakan kompaun sebanyak \$300 seorang manakala seorang lagi adalah pelaku kesalahan kali kedua dan dikenakan kompaun sebanyak \$500. Kompaun sebanyak \$500 akan dikenakan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Bab ini bagi kali ketiga dan berikutnya.

Antara tempat-tempat di mana kesalahan-kesalahan di bawah Bab ini sering ditemui ialah di kompleks membeli-belah dan kedai-kedai termasuk ruang tangganya, tandas, kakilima atau laluan bangunan, letak kerita bawah tanah, kawasan lingkungan 6 meter dari garisan keliling bangunan tersebut; restoran-restoran yang menyediakan tempat makan bagi pelanggan di bahagian luar bangunan restoran atau di bahagian kakilimanya; premis-premis kerajaan termasuk kawasan letak keritanya; premis pejabat-pejabat swasta; premis-premis sukan; woksypop; kilang; kafe internet; tempat perhentian pengangkutan awam; tempat-tempat yang digunakan bagi maksud-maksud keagamaan.

Bagi kesalahan di bawah Bab 10(1) Perintah Tembakau 2005, 20 orang adalah pelaku kesalahan kali pertama dan diwajibkan untuk mendaftar dan menghadirkan diri di Klinik Berhenti Merokok di mana-mana Pusat Kesihatan yang tertentu untuk mengikuti program Berhenti Merokok, manakala seorang lagi adalah pelaku kesalahan kali kedua dan dikenakan kompaun sebanyak \$100 di samping pendaftaran wajib ke Klinik Berhenti Merokok sekali lagi. Kompaun sebanyak \$300 akan dikenakan ke atas mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun yang melakukan kesalahan di bawah Bab ini bagi kali ketiga.

Bagi kesalahan di bawah Bab 16(4) Perintah Tembakau 2005, seorang pengurus/pemilik sebuah restoran di kawasan perniagaan Kiulap telah dikenakan kompaun sebanyak \$500 atas kesalahannya yang pertama iaitu membiarkan kegiatan merokok di tempat makan bahagian luar bangunan restoran yang disediakan oleh pengurus restoran tersebut untuk melayan pelanggan-pelanggannya. Kompaun sebanyak \$500 akan dikenakan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Bab ini bagi kali kedua dan berikutnya.

Disamping itu, didapati bahawa 92% dari pesalah-pesalah Perintah Tembakau 2005 adalah terdiri dari pihak lelaki dan selebihnya 8% adalah pihak perempuan. Selain daripada itu, didapati juga 72% dari pesalah-pesalah Perintah ini adalah merupakan warga negara kitani sendiri manakala lingkungan umur pesalah-pesalah Perintah ini yang paling banyak melakukan kesalahan (40% dari jumlah pesalah yang dicatit) ialah mereka yang dalam lingkungan umur antara 18 tahun hingga 30 tahun.

Kementerian Kesihatan sekali lagi menyarankan agar semua penduduk di negara ini supaya akan dapat menghormati dan mematuhi perundangan Perintah Tembakau 2005 pada setiap masa. Antara tujuan utama perundangan ini digubal ialah untuk melindungi semua penduduk di negara ini dari bahaya penggunaan tembakau dan bahaya pendedahan kepada asapnya yang telah dikenalpasti menjadi penyebab penyakit-penyakit kanser, jantung, strok, asma di kalangan kanak-kanak dan banyak lagi penyakit-penyakit lain.

Orang ramai adalah digalakkan untuk melaporkan kegiatan merokok di tempat-tempat awam yang telah diwartakan sebagai tempat larangan merokok/vaping termasuk premis-premis kerajaan kepada Unit Penguatkuasaan, Kementerian Kesihatan di talian **2427095 (waktu pejabat sahaja)** atau **hotline 7192005** atau emel kepada **health.enforcement@moh.gov.bn**.